

BAB V

PERSEPSI DAN PENDAPAT MASYARAKAT UMUM DI MALAYSIA

Mahasiswa memainkan peranan penting dalam menunjang perubahan dalam masyarakat baik yang diwakili mahupun yang disertainya. Tanpa melibatkan kepentingan tertentu, perjuangan mahasiswa tidak lain hanyalah berlandaskan kepentingan masyarakat semata-mata. Memandangkan pertalian yang begitu rapat antara golongan pelajar dan masyarakat sudah pastilah sebarang isu melibatkan pelajar akan turut dikongsi dan dirasai bersama oleh masyarakat. Huraian dalam bab ini akan melibatkan analisis terhadap persepsi dan pendapat masyarakat umum di Malaysia untuk melihat reaksi masyarakat terhadap kebebasan pelajar di bawah AUKU.

Adalah mustahak untuk tidak membelakangkan suara masyarakat dalam setiap tindakan atau perbincangan kerana suara masyarakat adalah agenda penentu dalam menjamin keutuhan sesebuah negara. Demikian juga dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975 yang dalam banyak hal telah merentap semangat dan harapan masyarakat yang selama ini menyandarkan harapan kepada golongan pelajar untuk membela nasib mereka. Sebagai golongan yang 'celik' mereka dianggap '*agent of change*' yang mampu menyelami dan mengatasi permasalahan masyarakat. Faktor ini jugalah yang mendorong pelajar memekik dan menjerit untuk mendapat perhatian pihak atasan selepas pendapat dan pandangan mereka tidak dilayan.

Sehingga kini sudah acap kali AUKU diperkatakan sehingga ada yang muak dan menganggapnya isu yang sudah basi. Namun di kalangan masyarakat ia tetap merupakan isu yang mustahak dan perlu diperkatakan. Protes golongan pelajar hendaklah dianggap sah kerana ia tidak bertujuan menentang masyarakat, tetapi ke arah membina serta membaiki keadaan masyarakat itu sendiri.¹⁰⁰ Dengan perkataan lain, pergerakan belia (termasuk pelajar) melihat peranan mereka sebagai kata hati atau *conscience* masyarakat.¹⁰¹

¹⁰⁰ Dewan Masyarakat. Oktober 1973. m.s 22.

¹⁰¹ Azizan Bahari. *Pergerakan Belia: Persoalan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKD). 1995. m.s 8.

Justeru bab ini secara khusus memaparkan beberapa pandangan masyarakat umum di Malaysia yang mengandungi persepsi dan pendapat mereka mengenai kebebasan mahasiswa Malaysia di bawah peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975.

5.1 Persepsi Dan Pendapat Masyarakat Umum Di Malaysia

Pendapat-pendapat yang dikemukakan di sini dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu ahli politik, golongan profesional, pelajar (pelajar dan bekas pelajar) dan orang awam. Ini adalah untuk melihat pendapat dan persepsi masing-masing yang sudah tentu mempunyai pandangan yang tersendiri mengenai perkara yang dibincangkan ini.

5.1.1 Ahli-Ahli Politik

(a) Dr. Mahathir Mohamad

Sesungguhnya orang yang bertanggungjawab terhadap penubuhan rang undang-undang AUKU (Pindaan) 1975 kini telah bergelar pemimpin nombor wahid di Malaysia. Beliau ialah Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang pernah menjawat jawatan Menteri Pelajaran pada tahun 1975 sewaktu cadangan pindaan kepada AUKU 1971 dibuat. Bagi Dr. Mahathir, satu rang undang-undang (merujuk kepada AUKU) adalah diperlukan untuk mengimbangi sebahagian daripada penuntut-penuntut universiti yang tidak

bertanggungjawab dan tidak sedar natijah dari tindakan mereka. Mengimbas semula kata-kata beliau semasa bacaan kali kedua dan ketiga pindaan rang undang-undang AUKU 1971, "Sebab itu kita tidak dengar perkara lain daripada perbuatan-perbuatan di universiti-universiti melainkan yang mengganggu dan mengkhianati pelajaran".¹⁰²

Ternyata bekas Menteri Pelajaran ini mempunyai suatu tanggapan yang tersendiri bila dikaitkan dengan kebangkitan suara pelajar. Malah Dr. Mahathir turut tidak menyenangi kewujudan Sudut Pidato di Universiti Malaya dengan menyifatkannya sebagai berjaya memesongkan fikiran penuntut daripada pelajaran.¹⁰³ Tambahnya lagi, kerajaan telah bersikap liberal dengan meletakkan kepercayaan kepada penuntut tetapi ianya disalahgunakan. Sudah semestinya suatu akta seperti AUKU diperlukan untuk menjamin keamanan dan kesejahteraan masyarakat di negara ini.

(b) Anwar Ibrahim

Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah bekas pemimpin pelajar yang lantang dalam menyuarakan isu-isu masyarakat seperti kemiskinan umpamanya dalam tahun-tahun 70an. Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) ini pernah

¹⁰² *Laporan Parlimen*, halaman 4394.

¹⁰³ *Ibid.* halaman 4394.

ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan kini menjadi salah seorang pemimpin yang berpengaruh dalam arena politik tanahair.

Sebagai seorang bekas pemimpin pelajar yang lantang dalam memperjuangkan idealisme pelajar, beliau dilihat lebih bersikap terbuka dalam menangani isu berkaitan AUKU ini. Ini mungkin kerana perasaan simpati yang lahir dari kefahaman dan pengalaman beliau sendiri sedikit masa dahulu. Ini ketara bilamana beliau mengarahkan semua naib canselor di universiti-universiti tempatan agar lebih berbudi bicara dalam menangani aktiviti mahasiswa agar usaha melahirkan barisan kepimpinan masa depan tidak terjejas.¹⁰⁴

Semasa memegang jawatan sebagai menteri pendidikan, Anwar pernah menegaskan kesediaan kerajaan untuk mengkaji semula akta serta kesanggupan untuk menerima pelbagai pandangan, menandakan sistem polisi terbuka untuk memenuhi keperluan masyarakat kini yang progresif.¹⁰⁵ Walaupun beliau memberi harapan akan mengkaji kembali AUKU tetapi pada masa yang sama tetap menegaskan bahawa perkara-perkara pokok seperti melarang demonstrasi dan 'speakers corner' tidak akan dipertimbangkan sama sekali.

¹⁰⁴ *Mingguan Malaysia*, 25hb. Mei 1986. m.s 1.

¹⁰⁵ *Dewan Masyarakat*. September 1987. m.s 36.

Anwar dilihat lebih berhati-hati menyuarakan pendirian beliau walaupun secara dasarnya beliau juga berpuas hati dengan prestasi AUKU selama ini. Ini terbukti melalui kenyataan beliau pada 20hb. Mei 1986 bahawa tiada pindaan akan dibuat pada AUKU dan menegaskan tiada apa yang tidak kena dengan AUKU (Pindaan) 1975.¹⁰⁶ Betapa hancurnya harapan untuk melihat bekas pemimpin pelajar sendiri meleraikan ikatan AUKU dari kehidupan mahasiswa.

5. 1. 2 Pihak Pentadbiran Universiti

(a) Dr. Sidek Baba

Dr. Sidek Baba ialah Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar Universiti Islam Antarabangsa. Sebagai seorang ahli pentadbiran universiti, beliau melalui jawatan tersebut pastinya mempunyai pengalaman dan pandangan tersendiri tentang kegiatan pelajar di bawah peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).

Antara persoalan yang timbul mengenai AUKU ini ialah kerelevannya sekarang ini. Bagi Dr. Sidek Baba, AUKU tidak pernah mengongkong mahasiswa kecualilah dalam konteks mengadakan demonstrasi. Malah adalah tidak tepat untuk menghubungkan kebebasan dengan kebenaran berdemostrasi kerana ia bukan satu-satunya cara meluahkan pandangan atau kritikan. Walaupun pelajar melakukan demonstrasi, isu pokok (merujuk kepada kelesuan

¹⁰⁶ *Utusan Malaysia*. 20hb. Mei 1986. m.s 17.

ilmu dan kelemahan menguasai keterampilan) masih tetap belum disentuh.¹⁰⁷ "AUKU tidak harus dijadikan alasan untuk tidak bergerak atau dalih untuk pasif dalam organisasi. Kebijaksanaan dan kreativiti pelajar mesti ada, bagaimana dalam kerangka AUKU para pelajar masih mampu menimbulkan kesedaran, swadaya dan mampu mencetuskan model perubahan yang sifatnya menyumbang".¹⁰⁸

Kebebasan menyatakan pandangan dan pendapat dalam konteks keilmuan tetap dipertahankan namun mestilah tidak melampaui batas dan peraturan yang digariskan. Adalah lebih baik untuk melihat AUKU sebagai cabaran untuk pelajar menjadi aktif, proaktif dan strategik.¹⁰⁹ Dengan ini akan mempersiapkan diri pelajar ke arah menangani segala macam bentuk cabaran di hari muka.

(b) Dr. Kamaruddin Hj. Kachar

Pandangan lebih positif tentang Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) diberikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Universiti Pertanian Malaysia, Profesor Madya Dr. Kamaruddin Hj. Kachar. Pandangan ini meletakkan disiplin sebagai faktor penentu dalam mengendalikan sesuatu kegiatan melalui saluran tertentu.

¹⁰⁷ *Ummi*. September/ Oktober 1997. m.s 25.

¹⁰⁸ *Ummi*. September/ Oktober 1997. m.s 25.

¹⁰⁹ *Ummi*. September/ Oktober 1997. m.s 26.

Akta Universiti dan Kolej Universiti tidak pernah menyekat dari segi perancangan mahupun pelaksanaan kegiatan pelajar, asalkan kegiatan yang hendak dijalankan itu berunsur membina. Malah akta juga bertindak sebagai panduan dalam proses pelajar merancang kegiatan mereka agar tidak menyimpang dari batas sebenar. Melalui pengalaman ini perkembangan pemikiran pelajar akan lebih positif.

Bukanlah matlamat akta untuk menyekat kegiatan yang positif tetapi lebih kepada langkah menghalang perlakuan liar seperti kecenderungan mengadakan demonstrasi. "Universiti adalah satu institusi latihan, pendidikan, bimbingan dan pimpinan yang kesemuanya memerlukan saluran. Kerana itu ia terpaksalah mengenakan peraturan tertentu. Ini merupakan latihan yang paling tepat dan sesuai untuk mahasiswa".¹¹⁰ Dibimbangi sekiranya pelajar dibiarkan bergerak tanpa saluran tertentu, matlamat utama pendidikan yakni pembentukan perpaduan dan integrasi nasional, disiplin dan nilai moral dalam diri pelajar tidak tercapai. Jika ini berlaku maka gagallah matlamat pendidikan di negara ini.

¹¹⁰ *Dewan Masyarakat*. September 1987. m.s 37.

5. 1. 3 Ahli-Ahli Akademik

(a) Khoo Kay Kim

Profesor Khoo Kay Kim adalah salah seorang tenaga pengajar Universiti Malaya yang banyak memberi komen dan pandangan berkaitan isu ini. Belia juga pernah dilantik menduduki kerusi Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya sedikit masa dulu. Beliau turut menyarankan agar kerajaan menilai semula akta tersebut demi kepentingan bersama.

Sebagai seorang ilmuan, Prof. Khoo berpendapat kawalan AUKU ke atas mahasiswa adalah terlalu ketat dan tidak wajar mahasiswa diberi kawalan begitu seolah-olah mahasiswa kini tidak jauh bezanya dengan murid-murid sekolah. Ternyata mahasiswa kini tidak lagi kritis akibat kongkongan akta yang menyekat kebebasan bersuara, berforam dan sebagainya. Proses pembelajaran atau pendidikan bukanlah setakat membaca buka sahaja. Di samping itu keputusan peperiksaan yang baik sahaja tidak menunjukkan potensi seseorang pelajar jika pada masa yang sama tidak mempunyai pengalaman kepimpinan.¹¹¹

Melabelkan pelajar universiti hari ini sebagai kurang sensitif terhadap isu-isu luar kampus pastinya agak melulu kerana mereka ternyata masih peka tetapi terpaksa memendamnya kerana sama ada terikat dengan penguatkuasaan

¹¹¹ *Utusan Malaysia*. 15hb. Mac 1985. m.s 8.

AUKU atau terlalu bimbang dengan peperiksaan yang bakal menentukan masa depan.¹¹² Inilah dilemma yang terpaksa ditempuh oleh golongan pelajar hari ini dalam memperjuangkan idealisme dan masa depan sendiri.

Sudah sampai masanya kerajaan mengambil keputusan mengkaji semula Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975 terutama peruntukan-peruntukan berhubung kebebasan pelajar. Ini perlu untuk meningkatkan daya kepimpinan dan intelektual mahasiswa di negara ini.

(b) Mohamad Abu Bakar

Pensyarah Universiti Malaya ini pernah membuat liputan mengenai pergolakan politik pelajar dalam bukunya 'Mahasiswa Menggugat'. Beliau turut mempunyai persepsi dan pandangan tersendiri tentang AUKU ini dan berharap ia akan dikaji semula oleh pihak terbabit.

Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975 adalah bermatlamat agar pelajar menumpukan perhatian dalam pelajaran tanpa penglibatan serius dalam bidang bukan akademik. Kesannya bukan setakat mengurangkan daya intelektual pelajar, lebih dari itu ialah akta ini turut mempengaruhi sikap dan pendirian mereka. Maka lahirlah anggapan mahasiswa hari ini bersikap pasif. Mahasiswa sebelum akta mempunyai kebebasan dan kemampuan untuk

¹¹² *Dewan Masyarakat*. September 1987. m.s 36.

bersuara sehingga wujud demonstrasi yakni manifestasi semangat mahasiswa dalam memperkata dan memperjuangkan sesuatu isu.¹¹³

AUKU bukan setakat mengawal aktiviti mahasiswa malah ia turut memberi kesan psikologi yang mendalam ke atas mahasiswa. Meskipun AUKU tidak diterima oleh mahasiswa, ia mendapat tempat di hati pentadbiran universiti sebagai kemudahan untuk berhadapan dengan tindak-tanduk pelajar. "Pentadbiran universiti umumnya adalah golongan yang mewakili 'establishment' yang mahu suasana yang ada sekarang diteruskan".¹¹⁴ Masanya sudah tiba bagi kerajaan memikirkan untuk mengkaji semula akta dan melihat kesan-kesannya selepas sekian lama dilaksanakan.

(c) Syed Hussein Ali

Syed Hussein Ali adalah pensyarah Universiti Malaya dan menunjukkan minat mendalam mengenai AUKU (Pindaan) 1975. Malah beliau pernah mensifatkan AUKU sebagai telah merampas demokrasi di universiti baik di kalangan pensyarah maupun pelajar - pelajar. Turut meletakkan harapan agar pelajar-pelajar universiti diberi lebih peluang untuk merapat diri dengan masyarakat dan isu-isu di dalamnya.

¹¹³ *Utusan Malaysia*. 15hb. Mac 1985. m.s 8.

¹¹⁴ *Utusan Malaysia*. 15hb. Mac 1985. m.s 8.

Sebelum adanya Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU), mahasiswa mempunyai persatuannya sendiri yang bertindak mengendalikan segala kegiatan mahasiswa termasuk pilihanraya kampus. Berbanding dengan hari ini mahasiswa hanya ada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang fungsi dan kemampuannya diragui. justeru itu semua kegiatan yang membabitkan pelajar diambil alih pengurusannya oleh badan bergelar Hal Ehwal Pelajar (HEP) yang diwujudkan selepas AUKU (Pindaan) 1975.

" Mahasiswa universiti sentiasa dalam keadaan serba salah kerana tidak tahu apa yang boleh dilakukan berikutan peraturan yang untuk mengadakan sesuatu begitu merumitkan. Pelajar merasakan adalah tidak selamat lagi bagi mereka terlibat dengan soal-soal masyarakat. " Universiti ialah tempat mendidik seseorang, bukan sahaja dalam segi ilmu pengetahuan tetapi juga kepimpinan sebab selepas lulus nanti mahasiswa akan memegang jawatan penting atau menjadi pemimpin. Sikap kepimpinan tidak akan wujud jika mahasiswa hanya dilatih untuk mengikut perintah sahaja".¹¹⁵

¹¹⁵ *Utusan Malaysia*, 15hb. Mac 1985. m.s 8.

5. 1. 4 Bekas Pemimpin Pelajar

(a) Kamarulzaman Yaakub

Bekas Presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM) ini nyata tidak dapat menerima alasan bahawa AUKU adalah untuk mendisiplinkan pelajar agar dengan itu dapat memberi perhatian yang lebih terhadap bidang pelajaran.

AUKU dikatakan lebih memberi kesan negatif berbanding kesan positif yang diharapkan. Di samping menyekat kebebasan pelajar, akta ini juga menjadikan pelajar kepada apa yang disifatkan sebagai manusia pasif. Alasan seperti meningkatkan disiplin dan menumpukan kepada pelajaran sukar diterima malah sehingga kini tiada suatu kajian pun dilakukan bagi membuktikan mahasiswa sebelum akta lemah prestasi akademiknya jika dibandingkan dengan mahasiswa selepas akta.

Mengenai aspek disiplin pula, pengalaman berorganisasi akan mempertingkatkan tahap disiplin seseorang pelajar kerana:¹¹⁶

- I. Pelajar dapat menjadualkan tugas organisasi mereka;
- II. Mempastikan masa belajar tidak terganggu;
- III. Mengembangkan bakat kepimpinan dengan memimpin

¹¹⁶ *Utusan Malaysia*, 14hb, Mac 1985, m.s 7.

organisasi dengan sebaik-baiknya untuk diyakini oleh dan mahasiswa/ masyarakat.

Dengan adanya AUKU yang menghalang pelajar dari menonjolkan daya kepimpinan, masyarakat dan negara akan menanggung kerugian akibat ketandusan pimpinan boleh memimpin dan mentadbir dengan baik. Dalam hal ini beliau berpendapat AUKU sudah tidak sesuai dengan keadaan sekarang dan menggesa kerajaan mengkaji semula akta ini.

(b) Abdul Rahman Rukaini

Antara jawatan yang pernah disandangnya ialah Presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (PMUKM). Persoalan utama yang dikemukakannya ialah kewajaran suatu akta (AUKU) untuk mengawal universiti dan kolej sedangkan undang-undang negara sudah merangkumi kesemuanya. Baginya ia universiti hari ini sudah tidak mempunyai autonomi seperti dahulu.

Adalah tidak benar untuk mengatakan keseluruhan kandungan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) adalah tidak baik namun perkara yang menjadi tumpuan ialah beberapa peruntukan yang mengongkong kebebasan pelajar mengadakan debat, forum atau hak menegur kerajaan. Apabila pelajar

tidak diberi kesempatan untuk mengetahui selok-belok pentadbiran dan cara menguruskannya, mereka akan kekok bila keluar dari universiti dan berkhidmat dalam masyarakat.¹¹⁷ Kesimpulannya akta membunuh bakat kepimpinan pelajar di dalam kampus.

(c) Sulaiman Kayat

Bekas presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia (PMUTM) ini turut tidak ketinggalan dalam menyuarakan persepsi dan pandangannya terhadap Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU). Apa yang lebih penting dalam usaha melahirkan pemimpin yang matang ialah kemampuan mengendalikan persatuan dan bukan hanya belajar mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan.

"Dahulu para pelajar agak bebas untuk mengadakan forum dan boleh memilih ahli-ahli panel atau penceramah. Kini kami terpaksa melalui beberapa proses untuk mendapatkan kelulusan dan ini amat menyulitkan. Kalaupun diluluskan, prosedurnya amat menyusahkan".¹¹⁸ "Kami pernah mencadangkan tokoh-tokoh yang agak kontroversi sebagai ahli panel forum tetapi permohonan kami ditolak".¹¹⁹

¹¹⁷ *Utusan Malaysia*. 14hb. Mac 1985. m.s 7.

¹¹⁸ *Dewan Masyarakat*. September 1987. m.s 37.

¹¹⁹ *Dewan Masyarakat*. September 1987. m.s 37.

Kawalan yang sebegini ketat memungkinkan pelajar hanya menjurus kepada suatu pandangan dari pihak tertentu sahaja. Jika ini berlaku golongan pelajar tidak memperolehi maklumat yang sempurna untuk menyelami isu-isu semasa yang bergolak dalam masyarakat.

5.1.5 Penuntut-Penuntut Universiti

(a) **Shamsul Iskandar Mohd. Akin** (Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Islam Antarabangsa, UIA)

Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) tidak patut dipandang sebagai menyekat segala tindak-tanduk mahasiswa sebab masih ada alternatif lain dalam menyuarakan sesuatu pandangan. Cuma akta ini dikatakan sebagai halangan psikologi (*psychological barrier*) dalam memberikan had-had tertentu untuk diikuti oleh pelajar.¹²⁰ Contoh yang jelas ialah perkara berkaitan demonstrasi di mana selepas AUKU dikuatkuasa pun masih berlaku demonstrasi sebagai jalan pelajar menyuarakan sesuatu. Mahasiswa perlulah menyedari tanggungjawab dan menggunakan peluang yang ada untuk terlibat dengan isu-isu yang difikirkan mampu menggugat kepentingan negara. Ketakutan pelajar yang berlebihan terhadap AUKU akan menggugat keutuhan pergerakan pelajar dan menggugat idealisme pergerakan tersebut.

¹²⁰ *Ummi*. September/ Oktober 1997. m.s 28.

- (b) Imran Mohd. Ibrahim (Naib Presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia, PMUTM)

Bukan hanya akta sahaja yang menyebabkan pergerakan mahasiswa semakin pudar, sikap pihak pentadbiran universiti juga dalam hal ini banyak memainkan peranan. Ini didorong oleh faktor kuasa yang terlalu luas diberikan kepada mereka. Hakikatnya AUKU tetap diakui sebagai halangan dan cabaran besar dalam pergerakan mahasiswa di negara ini.

- (c) Muhyddin Jaafar (Presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia, PMUKM)

Kenyataan yang harus diterima ialah gerakan pelajar kini kurang agresif di zaman era 70-an. "Perlu diketahui, penguatkuasaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975 sedikit sebanyak memberi kesan kepada gerakan pelajar".¹²¹ Suasana masyarakat dahulu yang sentiasa memberi respons baik kepada idealisme yang diperjuangkan oleh pelajar dilihat suatu yang sudah hilang hari ini. Mala perubahan suasana masyarakat dan kurangnya liputan pihak media turut dilihat sebagai penyebab kepada kemerosotan gerakan pelajar sedia ada. Keberanian mahasiswa untuk menyatakan pendirian sikap Islam mereka dilihat sebagai bukti kebangkitan mahasiswa malaupun pada masa yang sama masih dibelenggu oleh AUKU.

¹²¹ *Tamadun*. November 1997. m.s 57.

(d) Mohd. Reduan Hussin (Setiausaha Agung Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia, PMUKM)

Adalah mustahak untuk pelajar berusaha meneliti dan memahami AUKU sebagai proses persediaan memasuki menara gading. Dengan melemparkan tuduhan bahawa AUKU terlalu mengongkong mahasiswa, peluang mahasiswa untuk bersuara tidak akan terhidang begitu sahaja. Sebaliknya mahasiswa harus berani untuk mengimplementasikan AUKU agar mampu disesuaikan dengan keadaan semasa.¹²² Sudah sewajarnyalah beberapa perkara dalam AUKU itu sendiri diperbaiki untuk melihat kesesuaiannya dengan keadaan sekarang. Walaupun usaha untuk mengubah beberapa peruntukan dalam AUKU perlu diteruskan, tidaklah bermakna mahasiswa menanti sehingga AUKU berubah baru hendak melangkah.

(e) Zainul Azizi Mat Zain (Presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya, PMUM)

Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) tidak menyekat baik kebebasan mahupun aktivisme pelajar. Fenomena ini hanya timbul bilamana pelajar terlalu takut dengan ugutan akta tersebut sehingga beranggapan sebagai pelajar universiti, tanggungjawab mereka hanyalah belajar semata-mata tanpa perlu mengambil kira harapan masyarakat yang disandarkan kepada mereka.

¹²² *Ummi*, September/ Oktober 1997, m. s 30.

(f) Hasnan Zainuddin

Masyarakat nyata tidak jemu dengan perbincangan tentang kebebasan mahasiswa di bawah peruntukan AUKU (Pindaan) 1975. Ini menunjukkan setiap anggota masyarakat menyimpan persepsi dan pendapat masing-masing berkenaan akta. Walaupun pelajar sebenarnya masih boleh bergerak, kawalan oleh badan Hal Ehwal Pelajar (HEP) tetap dirasakan keterlaluan dan berada pada tahap yang tidak sepatutnya. "Suatu yang perlu diingat ialah kongkongan ke atas pelajar akan mematikan idealisme mereka, di samping membunuh kreativiti serta inisiatif yang diperlukan untuk kepimpinan masa akan datang".¹²³

Pelajar perlu bijak mengawal diri agar tekanan akta dapat dikurangkan pada tahap minima. Untuk itu pelajar perlulah bijak menguasai akta. "Apa yang menjadi masalahnya ialah pelajar sendiri tidak mampu menguasai akta dan membiarkan akta menguasai kehidupan dan pemikiran mereka sewenang-wenangnya".¹²⁴ Apapun beberapa peruntukan dalam AUKU khususnya yang berkait dengan kebebasan pelajar perlu dikaji semula untuk mencari pendekatan yang lebih menguntungkan dalam memenuhi tuntutan masyarakat semasa.

¹²³ Temubual dengan En. Hasnan Zainuddin bertempat di Universiti Malaya pada 2hb. Disember 1997.

¹²⁴ Temubual dengan En. Hasnan Zainuddin bertempat di Universiti Malaya pada 2hb. Disember 1997.

5.2 Analisis Terhadap Persepsi Dan Pendapat Masyarakat Umum Di Malaysia

Analisis ini adalah mengenai persepsi dan pendapat masyarakat umum di Malaysia berkenaan kebebasan mahasiswa di bawah suatu undang-undang dikenali Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975. Analisis ini menggunakan kaedah '*de facto analysis*' untuk melihat kesan-kesan akta terhadap kebebasan mahasiswa di dalam menjalankan segala kegiatan yang merangkumi aktivisme mahasiswa semasa menyertai pelbagai organisasi pelajar. Analisis ini akan dilakukan mengikut empat kategori iaitu ahli-ahli politik, ahli pentadbiran universiti, bekas pemimpin belajar dan penuntut-penuntut universiti.

Berdasarkan persepsi dan pendapat yang dikumpulkan, tiada persamaan dari segi kencenderungan menyatakan pendirian antara tokoh-tokoh politik mahupun pihak pentadbiran universiti dengan bekas pemimpin pelajar dan juga penuntut-penuntut universiti. Ini mewujudkan dua pihak yang tidak sehaluan dalam isu ini. Golongan pertama iaitu tokoh-tokoh politik dan pihak pentadbiran universiti dilihat lebih positif dalam menangani isu ini dengan berpendapat AUKU adalah perlu untuk menjaga keharmonian dan kesejahteraan masyarakat di samping berperanan membimbing pelajar untuk lebih berdisiplin, komited dengan pelajaran dan mampu membentuk hala tuju yang lebih positif untuk membina generasi masa depan. Dengan kata lain, golongan ini berdiri

teguh dalam mempertahankan AUKU demi menjaga kedudukan dan kepentingan mereka.

Pandangan ini nyata tidak dapat diterima oleh sebahagian besar anggota masyarakat melalui pendirian ahli akademik dan bekas pemimpin pelajar yang berpendirian AUKU telah menafikan hak mereka bersuara dan bertanggungjawab membunuh kreativiti dan inovasi pelajar sebagai generasi penerus kecemerlangan. Golongan ini mahukan kerajaan dan pihak pentadbiran universiti lebih toleransi dalam usaha mengkaji semula AUKU untuk mengembalikan nafas perjuangan pelajar. Penentangan terhadap AUKU dilihat sebagai usaha mengembalikan kredibiliti pelajar sebagai 'agen perubahan masyarakat' di samping menyediakan barisan kepimpinan masa depan.

Penuntut-penuntut universiti pula masih ada kekeliruan dalam memahami isu ini secara lebih mendalam. Sesetengahnya lantang menyuarakan pendapat bahawa AUKU tidak pernah menghalang aktivisme mahasiswa ataupun menidakkannya suara pelajar. Tidak kurang pula yang merasakan pergerakan pelajar semakin tidak bermaya akibat kongkongan AUKU yang keterlaluan. Pendapat ini merujuk kepada kewujudan badan Hal Ehwal Pelajar (HEP) di setiap universiti yang berkuasa mutlak dalam menentukan arah tuju kegiatan pelajar.

Pandangan sebegini memperlihatkan bahawa setiap pihak cuba mempertahankan kepentingan masing-masing. Pihak pentadbiran universiti dilihat lebih 'sebulu' dengan ahli politik dalam usaha mengekalkan kuasa mutlak mereka dalam melayani dengan karenah pelajar di kampus. Bagi pihak ahli akademik dan pelajar-pelajar pula, AUKU tidak memberi ruang secukupnya untuk golongan mahasiswa mengikuti arus perkembangan semasa melalui penyertaan yang lebih aktif dalam isu-isu semasa. Pertembungan kepentingan yang berlarutan ini sudah pasti akan merugikan masyarakat dan negara akhirnya.

Jika diteliti di kalangan penuntut-penuntut universiti sahaja, jelas sekali bahawa kefahaman mereka mengenai AUKU masih lemah, terutamanya peruntukan-peruntukan yang secara langsung menyentuh kebebasan mereka. Ini membuatkan sesetengah dari mereka langsung tidak merasa terjejas atau tertekan dengan pelaksanaan AUKU. Malah sikap terlalu mementingkan peperiksaan juga melalaikan mereka dari kegiatan berorganisasi yang secara tidak langsung adalah kesan dari pelaksanaan AUKU tersebut.

Ahli politik dan pihak pentadbiran mempunyai persepsi yang jelas bahawa AUKU mampu mengawal dan meningkatkan disiplin di kalangan

pelajar universiti. AUKU dilihat sebagai langkah tepat untuk membendung tindakan liar dan agresif mahasiswa seperti demonstrasi. Kegiatan yang tidak bertanggungjawab oleh pelajar dilihat mampu mewujudkan suasana kacau-bilau dalam masyarakat. Selain dari itu, mereka turut berpendapat AUKU akan mewujudkan suasana belajar yang lebih berkesan serta membantu pelajar agar lebih komited dengan pelajaran.

Walau bagaimanapun, AUKU tidak dapat menjamin mahasiswa akan lebih komited terhadap pelajaran dan seterusnya membantu meningkatkan prestasi akademik. Ketiadaan kesedaran untuk membantu masyarakat membuatkan pelajar hari ini lebih merasakan masa mereka tidak terisi sepenuhnya. Pelajar yang dihasilkan selepas AUKU dianggap sering kali dicop sebagai kekeringan kualiti kepimpinan, tidak sensitif dengan sekeliling dan 'pak turut'.

Secara amnya, selain dari ahli politik dan pihak pentadbiran universiti, pelbagai lapisan masyarakat melihat AUKU sebagai keterlaluan dalam menghadkan kegiatan mahasiswa di negara ini. Bukan itu sahaja, peruntukan AUKU yang tidak melibatkan penuntut luar negeri turut tidak adil dan dianggap sebagai diskriminasi terhadap pelajar dalam negeri. Dengan suasana

politik, ekonomi dan latar belakang masyarakat yang sudah berubah hari ini, AUKU sudah tidak relevan untuk terus dikekalkan.

Masyarakat mengharapkan ruang yang lebih diberikan kepada golongan pelajar untuk turut menyumbang idea dan tenaga ke arah membangunkan negara. Sejarah menunjukkan pergerakan pelajar pada tahun 70an dulu berjaya melahirkan beberapa pemimpin yang kini menerajui kelompok pemerintahan negara. Pengalaman pelajar berinteraksi dengan masyarakat dalam pelbagai isu akan membantu mematangkan mereka. Jika benar bahawa undang-undang perlu dipinda dari semasa ke semasa untuk menyesuaikan dengan persekitaran yang sering berubah maka tiada sebab mengapa AUKU harus terus dikekalkan.